

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

# 6 hospital digenangi air

4 kemudahan di Terengganu, 2 di Kelantan termasuk 72 fasiliti kesihatan terjejas

Oleh Irwan Shaffizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan enam hospital dan puluhan klinik kesihatan di Kelantan dan Terengganu terjejas akibat banjir.

Hospital terjejas di Kelantan membabitkan Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II dan Hospital Tengku Anis (HTA), Pasir Puteh, manakala empat di Terengganu iaitu Hospital Kemaman, Hospital Besut, Hospital Setiu dan Hospital Hulu Terengganu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua perkhidmatan di HRPZ II masih beroperasi seperti biasa walaupun bangunan hospital dimasuki air.

"Perkhidmatan makmal, perkhidmatan pengimejan dan diagnostik di HTA dihentikan sementara waktu. Penutupan bekalan kuasa dalaman dilakukan bagi melindungi peralatan daripada rosak akibat litar pintas oleh pihak hospital.

"Sebarang keperluan perkhidmatan itu akan dirujuk ke hospital berdekatan iaitu HRPZ II dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM).

"Sebanyak 19 pesakit dari HTA dipindahkan ke HRPZ II dan HUSM kerana dikhawatiri paras air banjir meningkat pada bila-bila masa. Pemindahan pesakit diuruskan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Kelantan," katanya da-



-Keadaan banjir di HTA Pasir Puteh, kelmarin.

(Foto Ihsan Hasnan Hasni)



lam kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, peningkatan paras air banjir menyebabkan limpahan air ke dalam ruang Jabatan Keceemasan dan Dewan Bersalin di Hospital Kemaman pada malam Ahad lalu, namun surut pagi keesokannya.

"Peningkatan paras air mendadak di kawasan berhampiran Hospital Besut, Hospital Setiu dan Hospital Hulu Terengganu menyebabkan laluan ke hospital dan kawasan sekitar terputus serta hanya dapat dilalui menggunakan kenderaan air atau udara.

"Bagaimanapun, hospital ini sudah bersedia menghadapi bencana banjir dengan keperluan bekalan perubatan, makanan dan pakai buang yang mencukupi," katanya.

Beliau berkata, 32 fasiliti kesihatan terjejas banjir di Kelantan, iaitu 22 klinik desa dan 10 klinik kesihatan.

"Daripada jumlah itu, tujuh fasiliti kesihatan masih beroperasi, manakala 22 pindah operasi ke fasiliti kesihatan alternatif dan tiga tidak beroperasi.

"Sebanyak 40 fasiliti kesihatan terjejas banjir di Terengganu iaitu 27 klinik desa, lima klinik kesihatan, empat klinik pergigian, tiga Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan satu Unit Vektor di Jabatan Kesihatan Negeri.

"Daripada jumlah ini, 19 fasiliti kesihatan masih beroperasi, enam pindah operasi ke fasiliti kesihatan alternatif dan 15 tidak beroperasi," katanya.

## 19 pesakit berpindah

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, tiada khuster COVID-19 dikesan membabitkan penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di negeri

dilanda banjir, setakat kelmarin.

Beliau berkata, bagi kes COVID-19 membabitkan mangsa banjir secara umum sejak 11 Disember lalu, hanya satu kes dikesan iaitu seorang penduduk di Terengganu yang tamat menjalani isolasi pada 18 Disember.

Bagi jangkitan saluran pernafasan akut (ARI) sejak bencana itu melanda, beliau berkata, 301 kes dikesan dalam kalangan mangsa banjir di PPS sepanjang 7 November hingga kelmarin, manakala kes penyakit kulit (260), acute gastroenteritis (AGE) (14), kes konjunktivitis (11) dan satu kes cacar air.

Bagaimanapun, katanya, tiada kes tifoid, kolera, leptospirosis, denggi serta penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dilaporkan dalam kalangan mangsa banjir setakat semalam.

Dr Noor Hisham mengingatkan orang ramai peka dengan arahan semasa pihak berkuasa serta elak mengharungi air banjir jika mempunyai luka atau masalah kulit bagi mengelak risiko jangkitan penyakit leptospirosis dan meloidosis akibat air banjir yang tercemar.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : KOMENTAR

# Yakini etika, profesionalisme pengamal perubatan rawat pesakit



Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Dr Anisah Baharom  
bhrencana@bh.com.my

**Baru-baru** ini tular isu di media sosial berkaitan suami tidak sepatutnya membenarkan doktor lelaki menyambut kelahiran atau melakukan pemeriksaan ketika hamil. Ia menarik minat serta kegelisahan kalangan netizen sehingga menimbulkan perdebatan.

Dalam isu ini, apa yang menarik perhatian ialah isu rawatan membolehkan perbezaan jantina antara doktor merawat, dengan pesakit mahu mendapatkan rawatan.

Disebabkan isu berkenaan, terdapat individu bertikir panjang apabila mahu berjumpa doktor. Ini disebabkan beberapa kekangan dalam urusan perawatan terutama apabila membolehkan bahagian anggota sulit adalah isu besar.

lit. Bagi wanita, masalah kesihatan pada bahagian sulit adalah isu besar.

Walaupun ia kelihatan agak kompleks, namun sebenarnya seseorang pesakit mempunyai hak untuk memohon dirawat doktor sama jantina. Ini bermakna pesakit wanita boleh memohon untuk diperiksa doktor wanita.

Bahkan, kadangkala ada doktor lelaki sendiri bertanyakan kepada pesakit wanita jika mereka hendak diperiksa doktor wanita kerana sedar prinsip kemanusiaan.

Dalam dunia perawatan sebenar, situasi ideal tidak dapat ditawarkan. Ini mungkin disebabkan keadaan seperti ketiadaan doktor wanita di klinik pada ketika itu atau doktor wanita sibuk mengendalikan kes lain atau jumlah pesakit terlalu ramai.

Oleh itu, dalam situasi sedemikian, pesakit wanita berkenaan tiada pilihan melainkan perlu dirawat dan diperiksa doktor lelaki. Di dalam profesion perubatan, setiap pengamal perubatan perlu

mematuhi kod etika profesional terkandung dalam Garis panduan Amalan Perubatan Baik (GMPG) dikeluarkan Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

Kod etika profesional ini merangkumi amalan etika rawatan, kerahsiaan maklumat pesakit dan integriti dalam penyampaian maklumat kepada pesakit.

Garis panduan ini mensyaratkan bagi pemeriksaan pesakit berlainan jantina, perlu ada seorang pengiring hadir bersama. Di dalam konteks ini, pemeriksaan pesakit wanita oleh doktor lelaki perlu ada pengiring perempuan. Di klinik kesihatan contohnya, pengiring perempuan biasanya jurawat atau pembantu klinik.

## Ruang peribadi pesakit dipelihara

Berdasarkan amalan klinikal semasa, doktor dan petugas kesihatan juga akan turut memastikan ruang peribadi pesakit sentiasa dipelihara serta dilindungi.

Ruang pemeriksaan ditutup dengan langsir sepenuhnya dan kadangkala pintu bilik pemeriksaan dikunci bagi memastikan tiada orang lain masuk secara mengejut ketika pemeriksaan dijalankan.

“Suami perlu memahami rawatan terhadap isteri dan juga semua pesakit wanita secara umumnya menurut garis panduan ditetapkan”

Meskipun sedemikian, dalam situasi kecemasan yang mana seseorang pesakit wanita perlu mendapatkan rawatan segera, isu keselamatan nyawa mengatasi pilihan untuk mendapatkan sama ada doktor wanita atau lelaki.

Pada saat genting begini, keutamaan doktor adalah terhadap nyawa dan keperluan rawatan segera mengatasi sebarang situasi untuk pilih-memilih termasuk soal boza jantina.

Perlu disedari, mungkin hanya terdapat doktor lelaki bertugas dan tiada langsung doktor wanita pada masa itu. Pendirian memilih dan menunggu doktor wanita akan menyebabkan masa terbuang pada waktu kecemasan dan boleh membahayakan nyawa pesakit.

Selain itu, terdapat keadaan walaupun ada doktor wanita boleh merawat, namun penyakit atau masalah kesihatan pesakit wanita itu bukan bidang kepakarannya dan pilihan yang ada hanyalah doktor pakar lelaki.

Ini menyebabkan rawatan doktor wanita berkenaan tidak dapat diteruskan. Dalam keadaan sebegini, pesakit berkenaan tiada pilihan melainkan membenarkan doktor pakar lelaki memeriksa dan meneruskan rawatan.

Oleh itu, dalam apa juga keadaan dan masalah kesihatan dihadapi pesakit wanita, mereka dinasihatkan tidak terlalu risau ketika perlu berurusan di klinik atau hospital bagi mendapatkan rawatan atau pemeriksaan.

Dalam hal ini, suami perlu memahami rawatan terhadap isteri dan juga semua pesakit wanita secara umumnya menurut garis panduan ditetapkan.

Etika profesional seseorang pengamal perubatan akan melindungi hak wanita untuk tidak dieksplotasi. Pengamal perubatan perlu sentiasa memberi keutamaan terhadap usaha merawat demi kesihatan pesakit.

## Pengurusan kemiskinan haid perlu menyeluruh



Felo Kanan, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Oleh Siti Fatimah Abdul Rahman  
bhrencana@bh.com.my

**Apabila** Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa mengumumkan Kementerian Kesihatan (KKM) akan mula memberi tuala wanita percuma bagi menangani kemiskinan haid, ia menimbulkan polemik.

Pengumuman itu menimbulkan pertanyaan sejauh mana seriusnya isu kemiskinan tuala wanita di negara ini sehingga menteri berpendirian perkara ini perlu ditangani KKM.

Menyelami polemik ini, ia menuntut kita membayangkan jika dalam sebuah keluarga B40 yang hanya suami bekerja dan perlu menyara lima anak gadis dan seorang ibu dalam usia reproduktif, penyediaan tuala wanita boleh menjadi mencabar.

Andaikan seorang wanita perlu menukar tuala wanitanya empat jam sekali dan dalam sehari memerlukan enam keping tuala wanita. Sepanjang tempoh haid lazimnya tujuh hari, wanita memerlukan 42 keping tuala wanita sebulan, bersamaan dua bungkus tuala wanita yang setiap satu mengandungi 20 keping tuala wanita.

Ini bermaksud, keluarga yang memiliki lima anak gadis dan seorang isteri atau ibu memerlukan 12 bungkus tuala wanita sebulan. Andaikan sebungkus tuala wanita berharga RM5, ini ber-

makna ketua keluarga B40 tadi memerlukan RM60 untuk menyediakan tuala wanita untuk ahli keluarganya pada setiap bulan.

Bagi keluarga B40, ini mungkin satu cabaran besar. Maka, langkah untuk memberikan tuala wanita kepada golongan ini dilihat dapat membantu mereka.

Namun, 'kemiskinan haid' ini bukan hanya mengenai tidak cukup wang membeli tuala wanita. Menurut laman web *Medical News Today*, kemiskinan haid merujuk kepada kurangnya capaian barangan keperluan haid, pendidikan mengenai haid, kemudahan penjagaan kebersihan ketika haid, maklumat atau pengetahuan pengurusan tuala wanita tercemar atau gabungan masalah ini.

## Pendidikan mengenai haid

Melihat kepada definisi ini, dalam usaha menangani kemiskinan haid, ada beberapa perkara perlu dilakukan dan pemberian tuala wanita hanyalah satu daripadanya. Pelbagai pihak perlu melihat perkara ini dan memainkan peranan untuk memastikan kemiskinan haid ini dapat ditangani bersama.

Selain pemberian tuala wanita secara percuma khususnya kepada golongan sasaran, aspek lain boleh diberi perhatian ialah pendidikan mengenai haid. Hari ini, adakah warga muda dibekalkan maklumat mencukupi apa itu haid, perubahan fizikal berlaku dengan kedatangan haid, penjagaan kebersihan ketika haid, bagaimanakah menguruskan tuala wanita tercemar dan seumpamanya.

Jika ada pihak menyatakan maklumat mengenai haid dimasukkan dalam sukatan pelajaran, bilakah anak-anak didedahkan maklumat ini? Aspek lain memerlukan perhatian dalam usaha menangani kemiskinan haid ini ialah kemudahan untuk penjagaan kebersihan ketika haid termasuk di sekolah rendah dan menengah.

Kemudahan dimaksudkan ialah seperti mesin membekalkan tuala wanita percuma atau berbayar di tandas perempuan, air paip bersih dan lancar untuk menguruskan cucian, sistem pembuangan tuala wanita bersesuaian dan tandas mempunyai saliran baik dan tidak menampung air.

Jika sekolah rendah memerlukan kemudahan ini, apatah lagi di sekolah menengah. Dari perspektif Islam, selain maklumat mengenai haid, bagaimana pun penjelasan mengenai hukum berkaitan haid kepada pelajar perempuan.

Ternyata kemiskinan haid merangkumi beberapa aspek dan pemberian tuala wanita secara bersasar adalah sebahagian daripada cara menanganinya.

Beberapa aspek lain juga perlu diberi perhatian seperti meningkatkan maklumat dan ilmu anak-anak mengenai haid serta pengurusananya termasuk kemudahan penjagaan kebersihan sepanjang tempoh datang bulan, khususnya di sekolah.

Ilmu mengenai haid dan pengurusananya serta hukum berkaitan dengannya dalam Islam perlu diberikan kepada anak-anak kerana ia membabitkan persoalan ibadah seharian.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL



KEADAAN semasa menunjukkan lautan utama Pasir Mas-Rantau Panjang ditenggelami air separas 0.05 meter dan ditutup untuk semua kenderaan ringan. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Oleh Irwan Shafrizan  
Ismail  
am@hmetro.com.my

Putrajaya

**K**ementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan enam hospital dan puluhan klinik kesihatan di Kelantan serta Terengganu terjejas akibat banjir.

Hospital terjejas di Kelantan ialah Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu dan Hospital Tengku Anis (HTA), Pasir Puteh manakala empat di Terengganu membabitkan Hospital Kemaman, Hospital Besut, Hospital Setiu dan Hospital Hulu Terengganu.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, semua perkhidmatan di HRPZ II masih beroperasi seperti biasa walaupun bangunan hospital dimasuki air.

"Perkhidmatan Makmal dan Perkhidmatan Pengimejan dan Diagnostik di HTA diberhentikan sementara waktu.

"Penutupan bekalan kuasa dalaman bagi melindungi peralatan daripada kerosa-

BAH DI KELANTAN, TERENGGANU

## Enam hospital terjejas banjir

kan akibat litar pintas sudah dilakukan oleh pihak hospital.

"Sebarang keperluan perkhidmatan terbabit akan dirujuk ke hospital berdekatan iaitu HRPZ II dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM).

"Sebanyak 19 pesakit dari HTA dipindahkan ke HRPZ II dan HUSM kerana dikhuatiri paras air banjir akan meningkat pada bila-bila masa. Pemindahan pesakit ini diuruskan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Kelantan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, peningkatan paras air akibat banjir menyebabkan

limpahan air ke dalam ruang Jabatan Kecemasan dan Dewan Bersalin di Hospital Kemaman pada malam Ahad lalu namun surut pagi keesokkannya.

"Peningkatan paras air mendadak di kawasan berhampiran Hospital Besut, Hospital Setiu dan Hospital Hulu Terengganu menyebabkan lautan ke hospital dan kawasan sekitar terputus dan hanya dapat dilalui menggunakan kenderaan air atau udara.

"Bagaimanapun, hospital-hospital ini sudah bersedia untuk menghadapi bencana banjir dengan keperluan bekalan perubatan

dan makanan," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 32 fasiliti kesihatan terjejas banjir di Kelantan iaitu 22 klinik desa dan 10 klinik kesihatan.

"Daripada jumlah ini, sebanyak tujuh fasiliti kesihatan masih beroperasi, 22 pindah operasi ke fasiliti kesihatan alternatif dan tiga tidak beroperasi.

"Sebanyak 40 fasiliti kesihatan terjejas banjir di Terengganu iaitu 27 klinik desa, lima klinik kesihatan, empat klinik pergigian, tiga Pejabat Kesihatan Daerah dan satu Unit Vektor di Jabatan Kesihatan Negeri.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 19 fasiliti kesihatan masih beroperasi, enam pindah operasi ke fasiliti kesihatan alternatif dan 15 tidak beroperasi," katanya.

**“Sebanyak 19 pesakit dari HTA dipindahkan ke HRPZ II dan HUSM”**

Dr Noor Hisham

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

## Tiada kluster Covid-19 di PPS

**Putrajaya:** Tiada kluster Covid-19 berlaku di pusat pemindahan sementara (PPS) negeri yang dilanda banjir setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dari 11 hingga 19 Disember lalu, hanya satu kes Covid-19 dikenal pasti dalam kalangan mangsa banjir di Terengganu yang tamat menjalani isolasi pada 18 Disember.

"Dari 11 hingga 18 November lalu, 14 kes Covid-19 dikenal pasti dalam kalangan mangsa banjir iaitu Selangor tujuh kes, Kelantan (lima) dan Melaka (dua).

"Namun semua kes tamat menjalani proses isolasi dan pesakit dibenarkan pulang ke rumah masing-masing," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, 301 kes jangkitan Salurap, Pernafasan Akut (ARI), 260 kes penyakit kulit, 14 kes *acute gastroenteritis* (AGE), 11 kes konjunktivitis dan satu kes cacar air dikesan dalam kalangan mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) dari 7 November hingga semalam.

"Tiada kes tifoid, kolera, leptospirosis, penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) serta denggi dilaporkan dalam kalangan mangsa banjir," katanya.

Dr Noor Hisham turut mengingatkan orang ramai supaya peka dengan arahan semasa pihak berkuasa serta elak mengharungi air banjir jika mempunyai luka atau masalah kulit bagi mengelakkan risiko jangkitan penyakit leptospirosis dan meloidosis akibat air banjir tercemar.



*Elakkan memakan makanan terdedah kepada air banjir, makanan berada pada suhu bilik melebihi empat jam atau makanan mempunyai perubahan rasa, bau serta tekstur"*

**Dr Noor Hisham**

"Elakkan memakan makanan terdedah kepada air banjir, makanan berada pada suhu bilik melebihi empat jam atau makanan mempunyai perubahan rasa, bau serta tekstur.

"Minum air yang dimasak dan makan makanan yang bersih bagi mengelakkan kejadian penyakit bawaan air dan makanan seperti keracunan makanan, kolera, tifoid, hepatitis A dan AGE.

"Awasi risiko renjatan elektrik sekiranya rumah dinaiki air. Elakkan penggunaan soket elektrik yang terdedah kepada banjir sebelum dipastikan selamat.

"Sentiasa mengamalkan penjagaan kebersihan persekitaran. Pembuangan sampah di merata tempat mendatangkan risiko penyakit, pembiakan vektor pembawa penyakit seperti tikus, nyamuk dan lain-lain," katanya.

Beliau juga mengingatkan orang ramai di PPS untuk mengamalkan sikap bertoleransi, saling bantu-membantu dan hormat-menghormati bagi mengelakkan ketegangan atau tekanan dalam kalangan penghuni.

AKHBAR : KOSMO!

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEGARA

## 6 hospital, 72 fasiliti kesihatan terjejas bah

**PUTRAJAYA** – Sebanyak enam buah hospital serta 72 fasiliti kesihatan di Kelantan dan Terengganu dilaporkan terjejas teruk akibat bencana banjir yang mengakibatkan ada antaranya tidak dapat beroperasi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, di Kelantan, dua buah hospital yang terjejas adalah Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II di Kota Bharu dan Hospital Tengku Anis (HTA) di Pasir Puteh.

"Semua perkhidmatan di HRPZ II bagaimanapun masih beroperasi seperti biasa walaupun bangunan hospital telah dimasuki air.

"Bagaimanapun, perkhidmatan makmal, pengimejan dan diagnostik di HTA diberhentikan buat sementara waktu.

"Penutupan bekalan kuasa dalaman dilakukan bagi melindungi peralatan daripada kerosakan dan sebarang keperluan perkhidmatan itu dirujuk ke hospital berdekatan," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, seramai 19 pesakit dari HTA turut dipindahkan ke HRPZ II dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) kerana dikhuatiri paras air boleh meningkat bila-bila masa.

Menurut Dr. Noor Hisham, di Terengganu pula, hospital terjejas adalah Hospital Kemaman, Hospital Besut, Hospital Setiu

dan Hospital Hulu Terengganu yang kini dipantau secara rapi.

"Peningkatan paras air akibat banjir menyebabkan limpahan air ke dalam ruang Jabatan Kecemasan dan Dewan Bersalin di Hospital Kemaman pada malam 18 Disember, namun surut keesokan harinya."

"Peningkatan mendadak paras air di kawasan berhampiran Hospital Besut, Hospital Setiu serta Hospital Hulu Terengganu pula mengakibatkan laluan ke hospital dan lokasi sekitar terputus dan hanya dapat dilalui menggunakan kenderaan air atau udara," katanya.

Menurut beliau, kesemua hospital tersebut bagaimanapun telah bersedia untuk menghadapi bencana banjir dengan keperluan bekalan perubatan, makanan dan pakai buang yang mencukupi.

Ujar Dr. Noor Hisham, sebanyak 32 fasiliti kesihatan terjejas akibat banjir di Kelantan, melibatkan 22 klinik desa dan 10 klinik kesihatan.

Namun katanya, tujuh fasiliti kesihatan masih beroperasi, manakala 22 lagi telah berpindah operasi ke fasiliti alternatif serta tiga tidak beroperasi.

"Di Terengganu pula, 40 fasiliti kesihatan dilaporkan terjejas melibatkan 27 klinik desa, lima klinik kesihatan, empat klinik pergigian, tiga Pejabat Kesihatan Daerah dan satu unit vektor di Jabatan Kesihatan Negeri," katanya.



**TANGKAP** layar video yang memaparkan suasana di Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh yang dinaiki air kelmarin.

AKHBAR : KOSMO!  
 MUKA SURAT : 18  
 RUANGAN : NEGARA

Hospital bagaikan rumah kedua buat dua beranak sejak tiga bulan lalu

## Bayi empat bulan derita sakit usus



Hubungi:  
 019 3330 896  
 03 7455 6448

Oleh TUAN NURHIDAYAH  
 TUAN AB GHANI

**KUALA LUMPUR** – Wad kanak-kanak Hospital Tunku Azizah (HTA), Kampung Baru di sini bagaikan rumah kedua buat seorang wanita dan bayinya, Muhammad Akid Mohd. Syamil Afiq yang berusia empat bulan terpaksa menjalani pelbagai rawatan selepas disahkan menghidapi masalah usus.

Aisha Tan Li Juan, 31, berkata, anak ketiganya itu disahkan mengalami komplikasi sejak dalam kandungan selepas doktor yang membuat imbasan mendapati perut Muhammad Akid kembung dan buncit.

"Muhammad Akid telah beberapa kali dibedah dan usus besarnya juga telah dibuang. Kini hanya tinggal usus kecil sahaja. Usus kecil itu juga dipotong dua dan dikeluarkan melalui perut bagi memudahkan proses pembuangan air besar.

"Bila dia (Muhammad Akid) buang air besar, semua najis ma-



**AISHA** sentiasa sabar dan tabah melayan Muhammad Akid yang kini menerima rawatan sejak berusia empat bulan akibat masalah usus di HTA, Kampung Baru, Kuala Lumpur.

suk ke dalam beg stoma (kantong yang dilekat pada perut). Proses pembuangan air kecil seperti biasa namun perlu selalu tukar lampin pakai buang," katanya.

Cerita Aisha, masalah pada salur pemakanan dan usus menyebabkan Muhammad Akid

atau lebih mesra dipanggil Akid terpaksa minum susu berharga RM80 menggunakan tiub yang dimasukkan ke dalam perut.

"Selain Akid, anak kedua saya, Nur Safiya, 2, juga mengalami penyakit keradangan usus dan perlu minum susu mahal bagi

memastikan dia kenyang. Nur Safiya juga telah beberapa kali dimasukkan ke unit rawatan intensif neonatal (NICU) akibat penyakit itu," ujarnya.

Tambah Aisha, sama seperti Nur Safiya, Akid kini dalam pemantauan bagi melihat usus ke-

cilnya berfungsi atau sebaliknya, selain memerlukan sokongan beg stoma, tiub susu dan keperluan lain secara berterusan.

Ibu kepada tiga orang anak itu memberitahu, dia terpaksa berhenti kerja selepas melahirkan Nur Safiya berikutan masalah kesihatan anak keduanya itu.

Katanya, suaminya menyara keluarga dengan bekerja melakukan servis pendingin hawa serta pendawalan.

"Pendapatan suami tidak menentu, kalau ada permintaan adalah rezeki buat kami sekeluarga. Sekiranya tiada bantuan diberikan, cukuplah dengan menggunakan khidmat suami.

"Anak sulung, Nur Mikayla dan Nur Safiya dijaga keluarga mentua ketika suami bekerja, manakala saya memang sepenuhnya berada di hospital menjaga Akid.

"Saya bersyukur kerana mempunyai sistem sokongan yang kuat daripada suami serta kedua-dua belah keluarga dan berharap mereka yang membaca perkongsian ini turut mendoakan anak-anak kami supaya sihat seperti anak-kanak lain," luahnya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian melalui akaun Maybank miliknya, Aisha Tan Li Juan (112679083167) atau hubungi Muhd. Syamil di talian 011-15401938 bagi mendapatkan servis pendingin hawa serta pendawalan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

## Hospital banjir, 28 pesakit dipindahkan

FOTO: MEDIA SOSIAL



Limpahan air banjir memenuhi laluan pejalan kaki Hospital Tengku Anis (HTA) di Pasir Puteh.

**PASIR PUTEH** - Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) bertindak pantas memindahkan 28 pesakit di Hospital Tengku Anis (HTA), di sini yang terjejas banjir sejak Ahad lalu.

Pengarah JKNK, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, pesakit-pesakit dipindahkan ke tiga hospital iaitu Hospital Universiti Sains Malaysia (USM), Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) dan Hospital Tanah Merah.

Katanya, kerja-kerja memindahkan pesakit iaitu seramai empat orang dilakukan pada Isnin malam manakala 24 lagi pesakit pada pagi Selasa.

"Air melimpah bermula jam 8.30



DR ZAINI

malam dan memasuki wad-wad, unit-unit serta laluan pejalan kaki di hospital secara beransur-ansur akibat hujan lebat.

"Demi keselamatan, JKNK memindahkan semua pesakit yang berada di dalam wad kerana ketiadaan bekalan elektrik yang boleh memberi risiko dalam rawatan kepada pesakit," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Jelasnya, penilaian oleh pihak Radicare Sdn Bhd mendapati, paras air meningkat termasuk di kawasan generator dan suis utama menyebabkan bekalan elektrik hospital terpaksa ditutup.

"Perkhidmatan sokongan di hos-

pital seperti Unit Radiologi, Patologi dan Unit Bekalan Bahan Steril (CSSU) terpaksa memberhentikan perkhidmatan kerana peralatan tidak dapat berfungsi atas faktor keselamatan.

"Unit-unit lain juga dalam usaha memindahkan aset-aset bagi mengelakkan rosak ditenggelami air," katanya.

Menurut Dr Zaini, hujan mulai reda dan surut sekitar jam 4 pagi memberi kelegaan kepada pihak hospital dan membolehkan urusan memindah keluar pesakit dilakukan.

Tambahnya, pesakit dipindahkan dengan menggunakan ambulans dan lori menerusi bantuan Bilik Gerakan Banjir Negeri dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pasir Puteh.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

## Six hospitals in 2 states hit by floods

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry said six hospitals and dozens of public health clinics in Kelantan and Terengganu have been affected by floods.

The hospitals affected in Kelantan are Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II and Hospital Tengku Anis (HTA) in Pasir Puteh, whereas the four in Terengganu are Hospital Kemaman, Hospital Besut, Hospital Setiu and Hospital Hulu Terengganu.

Health Ministry director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said all healthcare services at HRPZ II were still operating as usual even though the hospital had been breached by floodwaters.

"Laboratory and imaging services and diagnostics at HTA have been temporarily stopped.

"The shutting down of power internally has been done to protect the equipment from damage.

"Any need for such services will

be referred to the nearest hospitals which are HRPZ II and Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM).

"There are 19 patients from HTA who have been transferred to HRPZ II and HUSM because there were concerns that the floodwater level could rise.

"The transfer of patients was carried out and managed by the Kelantan State Disaster Operations Control Centre," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham said the rise in floodwater caused an overflow into the Emergency services and maternity ward at Hospital Kemaman on Sunday night, though it subsided the next morning.

"The sudden rise of floodwater in areas near Hospital Besut, Hospital Setiu and Hospital Hulu Terengganu resulted in roads to the hospitals and the surrounding areas being cut off and being accessible only by boat or air.

"However, these hospitals were prepared for such a situation and scenario with sufficient medical supplies, food and disposables."

Dr Noor Hisham also shared that there were 32 other health facilities that had been affected by the floods in Kelantan, specifically 22 field clinics and 10 health clinics.

"Of this number, seven facilities are still operational, while 22 have temporarily moved and shifted operations to alternative health facilities. Others have ceased operations.

"In Terengganu, the flood situation there has impacted 40 healthcare facilities in the state, 27 field clinics, five healthcare clinics, four dental clinics, three district health offices and one vector unit at the state health department.

"Of this total, 19 health facilities are still operational, six have transferred operations to alternative facilities and 15 are no longer operating for now."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NATION

# Six govt hospitals partly affected

## Health facilities in Kelantan and Terengganu not spared from being inundated

PUTRAJAYA: The floods on the east coast of the peninsula have affected two government hospitals in Kelantan and four others in Terengganu, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The hospitals affected in Kelantan are Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ) and the Hospital Tengku Anis (HTA), whereas the four in Terengganu are the Kemaman, Besut, Setiu, and the Hulu Terengganu hospitals.

Dr Noor Hisham said all health-care services at the HRPZ II are still operating as usual even though floodwaters have entered the hospital.

He added that laboratory services, as well as imaging and diagnostics services, at HTA have been temporarily stopped.

"The shutting down of internal power has been done to protect the equipment from damage from short circuits. Any request for such services will be referred to the nearest hospitals which are HRPZ II and the Universiti Sains Malaysia Hospital (HUSM)," he said in a statement.

Dr Noor Hisham said 19 patients from HTA have been transferred to HRPZ II and HUSM because there were concerns that floodwaters could rise anytime.

On the situation of the affected

hospitals in Terengganu, he said the rise in water levels had caused the Emergency Department and maternity ward at the Kemaman Hospital to be flooded on Sunday night, but the water subsided the next morning.

The floods near the Besut, Setiu and Hulu Terengganu hospitals had also resulted in the roads and access to the hospitals and the surrounding areas being cut off and they could only be reached by boats or helicopters.

"However, these hospitals are prepared for such a situation and have sufficient medical supplies, food and disposables," he said, reported Bernama.

Dr Noor Hisham said there were 32 other health facilities that have been affected by the floods in Kelantan, specifically 22 rural clinics and 10 health clinics.

Of the total, seven facilities are still operational, 22 have moved their operations to alternative facilities, and three others have suspended their operations.

In Terengganu, Dr Noor Hisham said the floods have affected 40 healthcare facilities, comprising 27 rural clinics, five health clinics, four dental clinics, three district health offices (PKD) and one vector unit at the state health department.

Of the total, 19 health facilities are still operational, six have moved

their operations to alternative facilities, and 15 are no longer operational for now, he said.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said the Health Ministry has detected over 500 cases of infectious diseases among flood evacuees who are being housed at temporary relief centres, from Nov 7 to Dec 19.

These include 301 cases of acute respiratory infections, skin diseases (260 cases), acute gastroenteritis (14), conjunctivitis (11), and one case of chickenpox.

"No cases of typhoid, cholera, leptospirosis, hand, foot and mouth disease (HFMD) or dengue were reported among the flood victims," he said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Over 500 infectious disease cases detected

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry has detected over 500 cases of infectious diseases among flood evacuees housed at relief centres in Kelantan and Terengganu, said its Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The cases include 301 acute respiratory infections, 260 skin diseases, 14 acute

gastroenteritis, 11 conjunctivitis and one case of chickenpox.

"No cases of typhoid, cholera, leptospirosis, hand, foot and mouth disease and dengue were reported."

Only one case of Covid-19 was reported among the evacuees in Terengganu between Dec 11 and Monday, he added.

As of noon yesterday, the National Disaster Management Agency reported that 65,139 people were affected by floods in 26 districts in Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang and Johor. Terengganu recorded the highest number of evacuees with 38,806, followed by Kelantan at 25,353, Pahang at 873, Perak at 54 and Johor at 53. - Bernama